

VOT 75096

**A STUDY ON OPTIMUM CRITERIA IN FINANCIAL STATEMENTS
ACCORDING TO MALAYSIAN ACCOUNTING STANDARDS BOARD (MASB) 1
[KAJIAN KE ATAS CIRI-CIRI OPTIMUM DALAM PENYATA KEWANGAN
BERDASARKAN *MALAYSIAN ACCOUNTING STANDARDS BOARD* (MASB) 1]**

**MOHD NOOR AZLI BIN ALI KHAN (KETUA PENYELIDIK)
KAMARUZZAMAN BIN ABDUL RAHIM**

**RESEARCH VOTE NO:
75096**

**JABATAN PENGURUSAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

2005

PENGHARGAAN

Segala pujian bagi Allah s.w.t pemilik sekalian alam dan selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, ahli keluarga baginda, sahabat baginda dan sesiapa yang mengikuti mereka dengan ikhlas hinggalah hari kiamat. Pertamanya, syukur kepada Allah s.w.t kerana dengan taufiq dan inayah-Nya, mengizinkan kami menyiapkan kajian berjudul **Kajian Ke Atas Ciri-ciri Optimum dalam Penyata Kewangan Berdasarkan *Malaysian Accounting Standards Board (MASB) 1***.

Sekalung penghargaan dirakamkan kepada pembantu penyelidik iaitu Jayaprakasham A/L Murugiah kerana komitmen, kesungguhan, kerjasama dan sumbangan yang diberikan dalam usaha mendapatkan data, maklumat dan bahan ilmiah untuk menyiapkan kajian ini. Penghargaan ini turut ditujukan kepada semua pihak yang banyak memberikan sokongan terutamanya keluarga tersayang dan seluruh warga FPPSM, UTM Skudai yang memahami tugas kami sebagai pendidik dan penyelidik dalam menyiapkan kajian ini.

Tidak dilupakan jutaan terima kasih kepada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), UTM Skudai kerana telah membiayai kajian ini dan juga kepada para penyelidik yang begitu dedikasi, tekun serta memberikan komitmen yang begitu tinggi dalam menyempurnakan kajian ini. Setinggi penghargaan juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat baik secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan laporan kajian ini. Semoga kajian ini dapat terus dijalankan serta diperluaskan skop perbincangannya dari semasa ke semasa supaya hasil kajian memberikan impak yang positif dan dapat dimanfaatkan oleh semua khususnya pihak FPPSM yang berwawasan untuk menjadi Sekolah Pengurusan dan Sains Sosial bertaraf dunia, pihak UTM yang berwawasan untuk menjadi *World Class University (WCU)* dan Malaysia untuk menjadi negara cemerlang, gemilang dan terbilang.

Mohd Noor Azli bin Ali Khan - *Ketua Penyelidik*
Kamaruzzaman bin Abdul Rahim

Jabatan Pengurusan
Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
Universiti Teknologi Malaysia, Skudai

September 2005

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian terhadap amalan pembentangan penyata kewangan bagi syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Teknik persampelan secara rawak digunakan di dalam kajian ini. Sebanyak 281 buah syarikat telah dipilih daripada 598 buah syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia sehingga 31 Disember 2003 yang terdiri daripada pelbagai industri. Laporan tahunan sampel syarikat ini telah disemak dan digunakan untuk menganalisis praktis pembentangan maklumat kewangan yang diamalkan oleh syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa kesemua sampel kajian mematuhi kesemua keperluan piawaian *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) 1. Hasil kajian turut menunjukkan bahawa kadar penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa yang digunakan dalam laporan tahunan syarikat sangat tinggi (melebihi 90%). Terdapat perbezaan daripada beberapa aspek dalam pembentangan laporan kewangan iaitu dari segi susun atur, penggunaan istilah dan kaedah perakaunan yang digunakan dalam penyata kewangan.

**A STUDY ON OPTIMUM CRITERIA IN FINANCIAL STATEMENTS
ACCORDING TO MALAYSIAN ACCOUNTING STANDARDS BOARD (MASB) 1**

ABSTRACT

This study discusses the financial statements presentation practice by listed companies on the Bursa Malaysia. Random sampling technique was used in this study. Out of 598 companies, 281 companies from various industries were selected for the period ended 31st December 2003. An annual report was used to analyse the financial statements presentation practice of the Bursa Malaysia listed companies. This study showed that all the research samples comply with Malaysian Accounting Standards Board (MASB) 1. Furthermore, this study revealed that the rate of English language usage in the annual report is very high (exceed 90%). There are certain different aspects in financial statements presentation which are the arrangement, terms usage and accounting method applied in the financial statements.

KANDUNGAN

| | Halaman |
|---|----------------|
| PENGHARGAAN | ii |
| ABSTRAK | iii |
| ABSTRACT | iv |
| KANDUNGAN | v |
| SENARAI JADUAL | viii |
| SENARAI RAJAH | ix |
| SENARAI SINGKATAN | x |
| SENARAI LAMPIRAN | xi |
| | |
| BAB I PENDAHULUAN | 1 |
| 1.0 Pengenalan | 1 |
| 1.1 Latar Belakang Kajian | 2 |
| 1.2 Matlamat Kajian | 3 |
| 1.3 Objektif Kajian | 3 |
| 1.4 Skop Kajian | 3 |
| 1.5 Kepentingan Kajian | 4 |
| 1.6 Batasan Kajian | 4 |
| 1.7 Kesimpulan | 5 |
| | |
| BAB II KAJIAN LITERATUR | 6 |
| 2.0 Pengenalan | 6 |
| 2.1 Tujuan Penyata Kewangan | 7 |
| 2.2 Tanggungjawab Terhadap Penyata Kewangan | 8 |
| 2.3 Komponen Penyata Kewangan | 8 |
| 2.4 Maklumat bagi Tujuan Perbandingan | 9 |
| 2.5 Mengenal Pasti Penyata Kewangan | 10 |
| 2.6 Pematuhan Piawaian MASB | 10 |
| 2.7 Pembentangan Dasar Perakaunan | 11 |
| 2.8 Pendedahan Penyata Untung Rugi | 12 |
| 2.9 Pendedahan dalam Kunci Kira-Kira | 13 |

| | | |
|----------------|---|-----------|
| 2.9.1 | Perbezaan Semasa/Bukan Semasa | 14 |
| 2.9.2 | Aset | 15 |
| 2.9.3 | Liabiliti | 15 |
| 2.10 | Maklumat yang perlu dibentangkan pada muka Kunci Kira-Kira atau dalam Nota | 16 |
| 2.11 | Perubahan Ekuiti | 16 |
| 2.12 | Kajian ke atas Istilah dalam Penyata Kewangan | 17 |
| 2.13 | Kesimpulan | 19 |
| BAB III | METODOLOGI KAJIAN | 20 |
| 3.0 | Pengenalan | 20 |
| 3.1 | Reka Bentuk Kajian | 20 |
| 3.2 | Subjek dan Tempat Kajian | 21 |
| 3.3 | Persampelan | 21 |
| 3.4 | Instrumen Kajian | 22 |
| 3.5 | Analisis Data | 22 |
| 3.6 | Rumusan | 22 |
| BAB IV | DAPATAN KAJIAN | 23 |
| 4.0 | Pengenalan | 23 |
| 4.1 | Demografi Responden | 23 |
| 4.1.1 | Penyenaraian Syarikat | 23 |
| 4.1.2 | Bahasa Laporan Tahunan | 24 |
| 4.1.3 | Firma Audit | 25 |
| 4.1.4 | Jenis Industri | 25 |
| 4.2 | Pematuhan kepada MASB | 26 |
| 4.3 | Pendedahan Maklumat dalam Penyata Kewangan | 27 |
| 4.3.1 | Komponen Penyata Kewangan | 27 |
| 4.3.2 | Polisi Perakaunan yang Penting | 27 |
| 4.3.3 | Tajuk bagi Penyata Pendapatan | 28 |
| 4.3.4 | Tajuk bagi Kunci Kira-Kira | 28 |
| 4.3.5 | Yang Mana Didedahkan Dahulu | 29 |
| 4.3.6 | Penggunaan Istilah dalam Kunci Kira-Kira | 30 |

| | | |
|--------------|--|-----------|
| 4.3.7 | Kaedah Penilaian Inventori | 30 |
| 4.3.8 | Tempoh Usia Guna | 31 |
| 4.3.9 | Kaedah Susut Nilai | 32 |
| 4.4 | Kesimpulan | 33 |
| BAB V | KESIMPULAN DAN CADANGAN | 34 |
| 5.0 | Pengenalan | 34 |
| 5.1 | Rumusan dan Implikasi Kajian | 34 |
| 5.2 | Kesimpulan dan Cadangan Kajian Akan Datang | 36 |
| | Rujukan | 37 |
| | Lampiran | 38 |

SENARAI JADUAL

| No. Jadual | | Halaman |
|-------------------|--|----------------|
| 2.1 | Terminologi yang digunakan dalam Penyata Kewangan | 18 |
| 3.1 | Bilangan Sampel mengikut Industri | 21 |
| 4.1 | Taburan Sampel berdasarkan Penyenaaraian Syarikat di Bursa Malaysia | 24 |
| 4.2 | Bahasa Laporan Tahunan | 24 |
| 4.3 | Pematuhan kepada MASB | 26 |
| 4.4 | Komponen Penyata Kewangan | 27 |
| 4.5 | Pendedahan Polisi Perakaunan yang Penting | 28 |
| 4.6 | Tajuk bagi Penyata Pendapatan | 28 |
| 4.7 | Tajuk bagi Kunci Kira-Kira | 29 |
| 4.8 | Kunci Kira-Kira atau Penyata Pendapatan | 29 |
| 4.9 | Aset atau Ekuiti Pemilik | 30 |
| 4.10 | Terminologi yang digunakan dalam Penyata Kewangan | 30 |
| 4.11 | Kaedah Penilaian Inventori | 31 |
| 4.12 | Tempoh Usia Guna bagi Bangunan | 31 |
| 4.13 | Tempoh Usia Guna bagi Kenderaan Bermotor | 32 |
| 4.14 | Kaedah Susut Nilai | 32 |

SENARAI RAJAH

| No. Rajah | | Halaman |
|------------------|---|----------------|
| 4.1 | Firma Audit bagi Sampel Kajian | 25 |
| 4.2 | Bilangan Syarikat mengikut Jenis Industri | 26 |

SENARAI SINGKATAN

| | | |
|------|---|--------------------------------------|
| FRS | - | Financial Reporting Standards |
| IAS | - | International Accounting Standards |
| LPPM | - | Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia |
| MASB | - | Malaysian Accounting Standards Board |
| MDKD | - | Masuk Dahulu Keluar Dahulu |
| MKKD | - | Masuk Kemudian Keluar Dahulu |
| SPSS | - | Statistic Package for Social Science |

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1 - Senarai Sampel Syarikat
- Lampiran 2 - Senarai Semakan
- Lampiran 3 - Output SPSS

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Sejak kebelakangan ini, pelaporan kewangan korporat mengalami perubahan yang ketara di seluruh dunia manakala perubahan ini amat ketara di kalangan negara yang membangun (Joshi dan Sayel, 2002). Malaysia juga tidak ketinggalan daripada perubahan tersebut, pelaporan kewangan di Malaysia memasuki era baru dengan penubuhan Akta Laporan Kewangan 1997, seterusnya penubuhan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (LPPM) pada 1997 dan pindaan yang dibuat pada Akta Syarikat 1965 pada tahun 1998 telah menjadikan piawaian perakaunan sebagai mandatori (Karen *et al.*, 2004). LPPM mengeluarkan *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) 1 Pembentangan Penyata Kewangan dan berkuat kuasa pada atau selepas 1 Julai 1992. MASB 1 dibangunkan berdasarkan Piawaian Perakaunan Antarabangsa atau *International Accounting Standards* (IAS) 1 yang telah disemak - Pembentangan Penyata Kewangan ini dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (Karen *et al.*, 2004).

Mulai 1 Januari 2005, piawaian MASB dikenali sebagai *Financial Reporting Standards* (FRS) seiring dengan pertukaran yang dilakukan oleh negara lain dalam menukar nama piawaian perakaunan yang lama. Dengan itu, MASB 1 kini dikenali sebagai FRS 101 (Iszudin, 2005). Oleh kerana kajian ini dilakukan sebelum nama piawaian yang baru diperkenalkan, maka MASB 1 dikekalkan bagi tujuan nama piawaian yang berkaitan dengan pembentangan penyata kewangan dalam kajian ini.

Berdasarkan MASB 1 objektif piawaian ini ialah untuk menetapkan asas pembentangan penyata kewangan tujuan umum bagi memastikan kebolehbandingan dengan penyata kewangan tempoh terdahulu perusahaan itu sendiri dan dengan penyata kewangan perusahaan lain. Bagi mencapai objektif ini, piawaian MASB 1 menetapkan pertimbangan keseluruhan pembentangan penyata kewangan, garis panduan bagi struktur dan keperluan minimum kandungan penyata kewangan. Manakala pengiktirafan, pengukuran serta pendedahan urus niaga dan peristiwa tertentu diambil kira dalam piawaian MASB yang lain.

1.1 Latar Belakang Kajian

Menurut MASB 1 Para 6, penyata kewangan menggambarkan kewangan berstruktur bagi kedudukan kewangan dan urus niaga yang dijalankan oleh sesebuah perusahaan dan objektif penyata kewangan bertujuan untuk menyediakan maklumat yang berguna mengenai kedudukan kewangan, prestasi dan aliran tunai sesebuah perusahaan kepada berbagai pengguna untuk membuat keputusan ekonomi.

Di Malaysia, LPPM yang ditubuhkan di bawah Akta Laporan Kewangan 1997 merupakan satu badan yang bertanggungjawab untuk membangunkan dan menerbitkan piawaian perakaunan sebagai “piawaian yang diterima pakai” bagi semua syarikat di Malaysia.

MASB 1 menetapkan garis panduan bagi struktur dan keperluan minimum kandungan penyata kewangan. Namun begitu, perusahaan digalakkan untuk mendedahkan lebih banyak maklumat bagi membantu pengguna membuat keputusan ekonomi berdasarkan MASB 1 Para 10.

Daripada perbincangan di atas, isu yang ingin dikupas adalah sejauhmana amalan syarikat-syarikat tersenarai di Malaysia dalam mematuhi garis panduan bagi struktur dan pembentangan maklumat dalam penyata kewangan berdasarkan MASB 1.

1.2 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji amalan pendedahan maklumat perakaunan dalam laporan tahunan oleh syarikat yang tersenarai di Malaysia sepertimana yang dikehendaki oleh MASB 1.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti :-

- a) Amalan pendedahan maklumat dalam laporan tahunan oleh syarikat yang tersenarai di Malaysia.
- b) Tajuk yang biasa atau popular digunakan dalam penyata kewangan oleh syarikat yang tersenarai di Malaysia.
- c) Komponen yang mana yang didedahkan dahulu dalam penyata kewangan (akaun untung rugi atau kunci kira-kira) oleh syarikat yang tersenarai di Malaysia.
- d) Terminologi yang biasa digunakan dalam penyata kewangan oleh syarikat yang tersenarai di Malaysia.
- e) Kaedah yang biasa digunakan untuk penilaian inventori dan susut nilai oleh syarikat yang tersenarai di Malaysia.

1.4 Skop Kajian

Skop kajian ini ialah seperti berikut:-

- a) Tertumpu kepada laporan tahunan untuk tahun 2003 sahaja bagi 281 syarikat daripada 874 buah syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia sehingga 12 Julai 2004.
- b) Kajian ini hanya memfokus kepada pembentangan maklumat dalam laporan tahunan iaitu dengan mempertimbangkan keseluruhan pembentangan penyata kewangan, struktur dan keperluan minimum kandungan penyata kewangan berdasarkan MASB 1. Manakala bahagian-bahagian lain dalam laporan tahunan tidak akan dikaji.

1.5 Kepentingan Kajian

Pembacaan sepintas lalu dilakukan ke atas kebanyakan kajian yang dijalankan di Malaysia yang melibatkan penyata kewangan tetapi tiada kajian dibuat ke atas pembentangan maklumat dalam penyata kewangan berdasarkan MASB 1. Oleh yang demikian, kajian ini memfokus kepada pembentangan maklumat dalam penyata kewangan di Malaysia berdasarkan Piawaian MASB 1 yang dikeluarkan oleh LPPM. Penyataan ini disokong oleh Yuan Ding *et al.* (2003), juga menyatakan bahawa tiada kajian yang dibuat ke atas pembentangan penyata kewangan. Oleh itu, mereka memfokus kajiannya kepada pembentangan penyata kewangan di kalangan syarikat terbesar di negara Perancis.

Diharapkan penemuan kajian ini akan dapat memberi input yang berguna khususnya kepada profesion perakaunan di Malaysia berhubung dengan amalan pembentangan maklumat dalam penyata kewangan. Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan bahawa kajian ini juga dapat mengisi kekosongan dan kekurangan yang ada serta memberi maklumat yang terkini berhubung dengan pembentangan maklumat dalam penyata kewangan di Malaysia.

Seterusnya, kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan kepada para penyelidik, penyelia, pengguna laporan kewangan dan penyelia profesion perakaunan untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai amalan pembentangan maklumat dalam penyata kewangan syarikat di Malaysia.

1.6 Batasan Kajian

Batasan kajian ini ialah seperti berikut:-

- a) Hasil dapatan yang diperoleh hanya berdasarkan kepada maklumat yang terkandung dalam penyata kewangan untuk tahun 2003 sahaja.

- b) Maklumat yang didedahkan hanya setakat 281 buah syarikat berhad yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia dan ia tidak boleh digeneralisasikan kepada semua syarikat lain yang tersenarai di Bursa Malaysia.
- c) Kajian ini hanya memfokus kepada pembentangan maklumat dalam penyata kewangan sahaja. Elemen-elemen dan bahagian-bahagian yang lain dalam laporan tahunan tidak dikaji.
- d) Hasil dapatan yang diperoleh hanya benar dan praktikal di Malaysia sahaja dan berhubung dengan prosedur dan piawaian perakaunan serta undang-undang semasa sahaja.

1.7 Kesimpulan

Latar belakang kajian, matlamat kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian dikenal pasti dalam bab ini. Justifikasi pemilihan tajuk kajian juga telah diterangkan. Secara umumnya, kajian ke atas amalan pembentangan maklumat dalam penyata kewangan akan dijalankan.

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

LPPM ditubuhkan di bawah *Financial Reporting Act 1997*. Badan ini merupakan badan yang bertanggungjawab untuk membangunkan dan menerbitkan piawaian perakaunan sebagai ‘piawaian yang diterima pakai’ bagi semua syarikat di Malaysia. MASB 1 - Pembentangan Penyata Kewangan dikeluarkan oleh MASB dan berkuat kuasa pada atau selepas 1 Julai 1999. MASB 1 Para 1 menyatakan bahawa Piawaian ini menggantikan Piawaian Perakaunan yang Diluluskan iaitu IAS 1 - Pendedahan Dasar Perakaunan, IAS 5 – Maklumat yang perlu Didedahkan Dalam Penyata Kewangan dan IAS 13 – Piawaian Perakaunan yang Diluluskan.

Manakala dalam MASB 1 Para 2, menyatakan bahawa tujuan umum penyata kewangan disediakan adalah untuk memenuhi kehendak pengguna yang bukan berada dalam kedudukan untuk meminta laporan yang diubah suai bagi memenuhi keperluan maklumat tertentu. MASB 1 Para 2 menyatakan bahawa piawaian ini diguna pakai bagi penyata kewangan perusahaan individu dan penyata kewangan disatukan bagi sekumpulan perusahaan, juga difahamkan bahawa piawaian ini tidak digunakan untuk maklumat kewangan interim yang diringkaskan.

MASB 1 Para 5 menjelaskan bahawa piawaian ini sesuai digunakan bagi perusahaan bermotifkan keuntungan, manakala bagi perusahaan tidak bermotifkan keuntungan, kerajaan dan perusahaan sektor awam lain yang hendak mengguna pakai

piawaian ini mungkin perlu meminda keterangan yang digunakan bagi butiran tertentu dalam penyata kewangan yang disediakan.

Menurut MASB 1, objektif piawaian ini ialah untuk menetapkan asas pembentangan penyata kewangan tujuan umum bagi memastikan kebolehbandingan dengan penyata kewangan tempoh terdahulu perusahaan itu sendiri dan dengan penyata kewangan perusahaan lain. Bagi mencapai objektif ini, piawaian ini menetapkan pertimbangan keseluruhan pembentangan penyata kewangan seperti garis panduan, struktur dan keperluan minimum kandungan penyata kewangan.

2.1 Tujuan Penyata Kewangan

Menurut MASB 1 Para 6, penyata kewangan menggambarkan kewangan berstruktur bagi kedudukan kewangan dan urus niaga yang dijalankan oleh sesebuah perusahaan. Objektif penyata kewangan ialah menyediakan maklumat yang berguna mengenai kedudukan kewangan, prestasi dan aliran tunai sesebuah perusahaan kepada berbagai pengguna untuk membuat keputusan ekonomi. Selain itu, penyata kewangan juga menunjukkan hasil pengurusan sumber yang diamanahkan kepada pihak pengurusan. Bagi mencapai objektif ini, penyata kewangan perlu menyediakan maklumat mengenai perusahaan seperti

- a) Aset.
- b) Liabiliti.
- c) Ekuiti.
- d) Pendapatan dan belanja, termasuk untung dan rugi; dan
- e) Aliran tunai.

Maklumat yang lain dalam nota penyata kewangan, membantu pengguna meramalkan aliran tunai masa depan perusahaan terutamanya, pemasaan dan kepastian penjanaan tunai dan kesetaraan tunai.

2.2 Tanggungjawab Terhadap Penyata Kewangan

Menurut MASB 1 Para 7, pihak yang bertanggungjawab menyediakan dan membentangkan penyata kewangan ialah lembaga pengarah atau badan kawal selia yang setara dalam sesebuah perusahaan.

2.3 Komponen Penyata Kewangan

Menurut MASB 1 Para 8, set penyata kewangan yang lengkap adalah terdiri daripada komponen-komponen berikut:

- a) Kunci kira-kira.
- b) Penyata pendapatan.
- c) Penyata menunjukkan sama ada;
 - i) semua perubahan ekuiti.
 - ii) perubahan ekuiti selain yang timbul daripada urus niaga modal dengan pemilik dan pengagihan kepada pemilik.
- d) Penyata aliran tunai.
- e) Dasar perakaunan dan nota penyelarasan.

Selain daripada set penyata kewangan, perusahaan juga digalakkan bagi membentangkan ulasan kewangan oleh pihak pengurusan yang menghuraikan dan menyelaraskan ciri-ciri utama prestasi kewangan dan kedudukan kewangan perusahaan, faktor dan pengaruh utama yang menentukan prestasi, perubahan persekitaran kendalian perusahaan, dasar perusahaan yang berhubung dengan pelaburan untuk mengekalkan dan meningkatkan prestasi, dasar dividen, pembiayaan sumber perusahaan, dasar penggearan dan dasar pengurusan risiko, kekuatan dan sumber perusahaan yang nilainya tidak digambarkan pada muka kunci kira-kira (MASB 1 Para 9).

Manakala dalam MASB 1 Para 10, menjelaskan bahawa kebanyakan perusahaan membentangkan penyata tambahan seperti laporan alam sekitar dan penyata nilai tambah. Industri yang membentangkan penyata tambahan ialah industri yang menganggap faktor

persekitaran adalah penting dan pekerja dianggap sebagai kumpulan pengguna yang mustahak. Perusahaan digalakkan membentangkan penyata tambahan jika pengurusan berpendapat bahawa ia dapat membantu pengguna membuat keputusan ekonomi.

2.4 Maklumat bagi Tujuan Perbandingan

Berdasarkan MASB 1 Para 38, maklumat bagi tujuan bandingan berhubung tempoh terdahulu bagi semua maklumat berangka perlu didedahkan dalam penyata kewangan. Maklumat bandingan ini meliputi maklumat naratif dan deskriptif maklumat ini perlu didedahkan apabila relevan dengan pemahaman penyata kewangan tempoh semasa. Manakala, dalam hal tertentu maklumat naratif yang disediakan dalam penyata kewangan bagi tempoh terdahulu terus menjadi relevan dalam tempoh semasa. Contohnya hal perundangan yang keputusannya belum dapat ditentukan pada tarikh kunci kira-kira yang terakhir dan masih belum selesai, maklumat ini perlu didedahkan dalam tempoh semasa berdasarkan MASB 1 Para 39.

Berdasarkan MASB 1 Para 40 pula, pembentangan atau pengklasifikasian butiran dalam penyata kewangan dipinda amaun bandingan juga perlu diklasifikasikan semula melainkan tidak praktikal berbuat demikian ini bertujuan bagi memastikan perbandingan dengan tempoh semasa. Manakala alasan bagi sebarang pengklasifikasian semula amaun bandingan perlu didedahkan dan alasan untuk tidak mengklasifikasikan semula bagi butiran dan sifat perubahan yang sepatutnya perlu diklasifikasikan semula. Mungkin wujud keadaan tidak praktikal untuk mengklasifikasikan maklumat bandingan bagi mencapai perbandingan dengan tempoh semasa, misalnya data tidak dikutip dalam tempoh terdahulu dengan cara yang membolehkan pengklasifikasian semula dilakukan dan mungkin tidak praktikal untuk mencipta semula maklumat tersebut. Dalam keadaan seumpama ini, sifat pelarasan kepada amaun bandingan yang sepatutnya dibuat perlu didedahkan menurut MASB 1 Para 41.

2.5 Mengenal Pasti Penyata Kewangan

Berdasarkan MASB 1 Para 44, penyata kewangan perlu dikenal pasti dengan jelas dan dibezakan daripada maklumat lain dalam dokumen yang sama yang diterbitkan. MASB 1 Para 45 menjelaskan bahawa MASB 1 ini diguna pakai hanya untuk penyata kewangan dan bukan untuk maklumat lain yang dibentangkan dalam laporan tahunan atau dokumen lain.

Manakala MASB 1 Para 46, memberi penekanan bahawa setiap komponen penyata kewangan perlu dikenal pasti dengan jelas dan maklumat berikut perlu dipamerkan dengan jelas dan diulang apabila perlu bagi pemahaman sempurna maklumat yang dibentangkan:

- a) Nama perusahaan kendalian atau cara lain pengenalpastian.
- b) Sama ada penyata kewangan meliputi perusahaan individu atau satu kumpulan perusahaan.
- c) Tarikh kunci kira-kira atau tempoh yang diliputi oleh penyata kewangan, yang bersesuaian dengan komponen penyata kewangan yang berkaitan.
- d) Mata wang pelaporan.
- e) Tahap ketepatan yang digunakan untuk pembentangan angka dalam penyata kewangan.

Berdasarkan MASB 1 Para 47, keperluan Para 46 biasanya dipenuhi dengan membentangkan tajuk muka surat dan lajur yang dipendekkan perkataannya pada setiap muka surat penyata kewangan.

2.6 Pematuhan Piawaian MASB

Berdasarkan MASB 1 Para 12, perusahaan yang penyata kewangannya mematuhi Piawaian MASB perlu mendedahkan fakta berkenaan dan penyata kewangan tidak boleh dianggap sebagai mematuhi piawaian MASB kecuali ia mematuhi semua keperluan bagi

setiap piawaian yang diguna pakai dan sebarang pengumuman teknikal lain yang diterbitkan oleh MASB.

2.7 Pembentangan Dasar Perakaunan

Berdasarkan MASB 1 Para 97, bahagian dasar perakaunan dalam nota penyata kewangan perlu menerangkan butiran berikut:

- a) Asas pengukuran yang digunakan untuk menyediakan penyata kewangan.
- b) Setiap dasar perakaunan tertentu yang diperlukan untuk pemahaman yang baik bagi penyata kewangan.

Berdasarkan MASB 1 Para 98, tambahan kepada dasar perakaunan tertentu yang digunakan dalam penyata kewangan adalah penting bagi pengguna mengetahui asas pengukuran yang digunakan (kos sejarah, kos semasa, nilai boleh realis, nilai saksama dan nilai kini) kerana ia membentuk asas yang mana keseluruhan penyata kewangan disediakan. Apabila lebih daripada satu asas pengukuran digunakan dalam penyata kewangan adalah perlu bagi mendedahkan asas pengukuran yang digunakan menurut MASB 1 Para 98. Dalam membuat keputusan sama ada dasar perakaunan tertentu perlu didedahkan, akauntan perlu mengambil kira sama ada pendedahan boleh membantu pengguna memahami bagaimana sesuatu urusan dan peristiwa ditunjukkan dalam laporan prestasi dan kedudukan kewangan berdasarkan MASB 1 Para 99. Berdasarkan MASB 1 Para 99, dasar perakaunan yang harus diambil kira untuk dibentangkan oleh perusahaan adalah seperti berikut tetapi tidak terhad kepadanya sahaja:

- a) Pengiktirafan hasil.
- b) Prinsip penyatuan, termasuk syarikat subsidiari dan syarikat sekutu.
- c) Pengiktirafan dan susut nilai/pelunasan aset ketara dan tak ketara.
- d) Permodalan kos pinjaman dan belanja lain.
- e) Kontrak pembinaan.
- f) Pelaburan harta tanah.
- g) Instrumen dan pelaburan kewangan.
- h) Pajakan.

- i) Kos penyelidikan dan pembangunan.
- j) Inventori.
- k) Cukai termasuk cukai tertunda.
- l) Peruntukan.
- m) Kos faedah pekerja.
- n) Terjemahan mata wang asing dan perlindungan nilai.
- o) Takrifan tunai dan kesetaraan tunai.
- p) Lain-lain.

2.8 Pendedahan Penyata Untung Rugi

Berdasarkan MASB 1 Para 75, maklumat yang perlu dibentangkan pada muka penyata pendapatan ialah seperti berikut:

- a) Hasil.
- b) Keputusan aktiviti kendalialaan.
- c) Kos Kewangan.
- d) Pembahagian Keuntungan dan kerugian daripada syarikat sekutu dan usaha sama.
- e) Belanja cukai.
- f) Untung atau rugi daripada aktiviti biasa.
- g) Butiran luar biasa.
- h) Kepentingan minoriti.
- i) Untung atau rugi bersih bagi sesuatu tempoh.

Butiran tambahan, tajuk dan jumlah kecil perlu dibentangkan pada penyata pendapatan apabila Piawaian MASB memerlukan atau apabila pembentangan seumpama ini perlu bagi membentangkan prestasi kewangan perusahaan secara saksama menurut MASB 1 Para 75. Perusahaan juga perlu membentangkan, sama ada pada muka penyata pendapatan atau dalam nota penyata pendapatan satu analisis belanja yang menggunakan klasifikasi berdasarkan sama ada pada sifat belanja atau fungsinya dalam perusahaan menurut MASB 1 Para 77. Perusahaan yang mengklasifikasi belanja

berdasarkan fungsi perlu mendedahkan maklumat tambahan mengenai sifat belanja termasuk belanja susut nilai, pelunasan dan kos staf menurut MASB 1 Para 83.

2.9 Pendedahan dalam Kunci Kira-Kira

Menurut MASB 1 Para 66, maklumat berikut perlu dibentangkan pada muka kunci kira-kira:

- a) Harta tanah, loji dan peralatan.
- b) Aset tak ketara.
- c) Aset kewangan (tidak termasuk amaun yang ditunjukkan di bawah (d), (f) dan (g).
- d) Pelaburan.
- e) Inventori.
- f) Belum terima dagangan dan belum terima lain.
- g) Tunai dan kesetaraan tunai.
- h) Belum bayar dagangan dan belum bayar lain.
- i) Liabiliti cukai dan aset cukai.
- j) Peruntukan.
- k) Liabiliti berfaedah bukan semasa.
- l) Kepentingan minoriti.
- m) Modal diterbitkan dan rizab.

Dalam para yang sama juga diberi penekanan bahawa, butiran tambahan seperti tajuk dan jumlah kecil perlu dibentangkan pada muka kunci kira-kira apabila piawaian MASB memerlukannya, atau apabila pembentangan seumpama ini perlu bagi membentangkan kedudukan kewangan perusahaan yang saksama.

Berdasarkan MASB 1 Para 68, piawaian ini tidak menetapkan susunan atau format pembentangan butiran. Walau bagaimanapun, MASB 1 Para 66 menyediakan satu senarai butiran yang berbeza sifatnya atau fungsinya yang sepatutnya dibentangkan secara berasingan pada muka kunci kira-kira. Perusahaan juga perlu mendedahkan sama

ada pada muka kunci kira-kira atau nota kunci kira-kira, subklasifikasi lanjut mengenai butiran yang didedahkan seperti amaun belum bayar kepada dan belum terima daripada perusahaan induk, rakan subsidiari, bersekutu dan pihak yang berkaitan yang lain perlu didedahkan secara berasingan. Selain itu, perusahaan juga perlu mendedahkan maklumat berkaitan liabiliti jangka panjang melalui nota ringkasan bagi kadar faedah, terma bayaran balik, perjanjian, subordinasi, ciri-ciri penukaran dan amaun premium atau diskaun yang belum terima berdasarkan MASB 1 Para 72.

2.9.1 Perbezaan Semasa/Bukan Semasa

Berdasarkan MASB 1 Para 53, setiap perusahaan perlu menentukan berdasarkan sifat kendaliannya, sama ada membentangkan atau tidak aset semasa dan bukan semasa serta liabiliti semasa dan bukan semasa sebagai klasifikasi berasingan pada muka kunci kira-kira manakala perusahaan yang memilih untuk tidak membuat klasifikasi ini, aset dan liabiliti, perlu dibentangkan secara luas mengikut susunan kecairannya. Perusahaan juga perlu mendedahkan bagi setiap butiran aset dan liabiliti yang menggabungkan amaun yang dijangka diperolehi semula atau diselesaikan sebelum dan selepas dua belas bulan dari tarikh kunci kira-kira dan amaun tersebut berdasarkan MASB 1 Para 54.

Bagi perusahaan yang membekalkan barang atau perkhidmatan dalam kitaran kendalian yang boleh dikenal pasti dengan jelas, pengklasifikasian aset dan liabiliti semasa dan bukan semasa secara berasingan pada muka kunci kira-kira akan memberikan maklumat yang berguna dengan membezakan aset bersih yang beredar secara berterusan sebagai modal kerja daripada yang digunakan oleh perusahaan dalam operasi jangka panjang, menurut MASB 1 Para 55. Dengan ini, aset yang boleh realis dalam kitaran kendalian semasa dan liabiliti yang sampai masanya untuk dibayar dalam tempoh yang sama dapat diketahui. Selain itu, maklumat tentang tarikh matang aset dan liabiliti berguna untuk menilai kecairan dan kemampuan bayar sesebuah perusahaan perlu didedahkan menurut MASB 1 Para 56.

2.9.2 Aset

Menurut MASB 1 Para 57, sebuah aset perlu diklasifikasikan sebagai aset semasa apabila:

- a) Dijangka akan direalisasikan dalam atau dipegang untuk jualan atau penggunaan dalam perjalanan biasa kitaran kendalian perusahaan.
- b) Dipegang terutamanya bagi tujuan perdagangan atau bagi jangka pendek dan dijangka akan direalisasikan dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh kunci kira-kira.
- c) Adalah tunai atau aset kesetaraan tunai yang tidak terbatas dalam penggunaannya.

MASB1 Para 57 menjelaskan bahawa semua aset lain perlu diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa. Piawaian ini menggunakan istilah 'bukan semasa' bagi aset ketara, tak ketara, kendalian dan kewangan yang bersifat jangka panjang dan tidak melarang penggunaan penghuraiaan alternatif selagi maknanya jelas menurut MASB 1 Para 58. Menurut MASB 1 Para 59, aset semasa terdiri daripada inventori, dan belum terima dagangan yang telah dijual, digunakan dan direalisasikan sebagai sebahagian daripada kitaran kendalian biasa manakala sekuriti boleh pasar diklasifikasikan sebagai aset semasa jika ia dijangka akan direalisasikan dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh kunci kira-kira. Sekiranya tidak, ia diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa.

2.9.3 Liabiliti

Menurut MASB 1 Para 60, liabiliti perlu diklasifikasikan sebagai liabiliti semasa apabila:

- a) Dijangka akan diselesaikan dalam perjalanan biasa kitaran kendalian perusahaan.
- b) Dijadual akan diselesaikan dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh kunci kira-kira. Semua liabiliti lain perlu diklasifikasikan sebagai liabiliti bukan semasa.

Liabiliti semasa juga boleh dikategorikan dengan cara yang sama seperti aset semasa menurut MASB 1 Para 61.

2.10 Maklumat yang perlu dibentangkan pada muka Kunci Kira-Kira atau dalam Nota

Menurut MASB 1 Para 74, sesebuah perusahaan harus mendedahkan perkara berikut sama ada pada muka kunci kira-kira atau dalam nota:

- a) untuk setiap kelas modal saham:
 - i) bilangan saham yang dibenarkan.
 - ii) bilangan saham terbitan dan berbayar penuh, dan diterbitkan tetapi tidak berbayar penuh.
 - iii) nilai tara sesaham, atau saham yang tiada nilai tiara.
 - iv) penyesuaian bilangan saham diterbitkan pada awal dan akhir tahun.
 - v) hak, keutamaan dan sekatan bagi kelas yang berkenaan termasuk sekatan atas pengagihan dividen dan pembayaran balik modal.
 - vi) saham perusahaan yang dipegang oleh perusahaan itu sendiri atau syarikat bersekutu bagi perusahaan tersebut.
 - vii) saham yang dirizabkan untuk terbitan di bawah kontrak, opsiyen dan jualan termasuk terma dan amaunnya.
- b) keterangan mengenai sifat dan tujuan setiap rizab dalam ekuiti pemilik.
- c) apabila dividen telah dicadangkan tetapi belum diluluskan bayaran secara formal, amaun termasuk (atau tidak termasuk) dalam liabiliti.
- d) amaun sebarang dividen keutamaan kumulatif yang tidak diiktiraf.

Manakala perusahaan tanpa modal saham seperti perkongsian, perlu mendedahkan maklumat yang setara seperti yang dikehendaki di atas, pergerakan bagi setiap kategori kepentingan ekuiti dan hak, keutamaan dan sekatan bagi setiap kategori kepentingan ekuiti (MASB 1 Para 74).

2.11 Perubahan Ekuiti

Menurut MASB 1 Para 86, perusahaan perlu membentangkan, sebagai satu komponen berasingan dalam penyata kewangannya yang menunjukkan:

- a) untung atau rugi bersih pada sesuatu tempoh.
- b) setiap butiran pendapatan dan belanja, untung atau rugi seperti yang dikehendaki oleh piawaian lain, diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dan jumlah butiran tersebut.
- c) kesan terkumpul akibat perubahan dasar perakaunan dan pembetulan ralat utama yang dibincangkan dalam MASB 3, untung atau rugi bersih bagi sesuatu tempoh, ralat utama dan Perubahan Dasar Perakaunan.
- d) urus niaga modal dengan pemilik dan pengagihan kepada pemilik.
- e) baki untung rugi terkumpul di awal tempoh dan pada tarikh kunci kira-kira, dan pergerakan bagi sesuatu tempoh.
- f) penyesuaian antara amaun dibawa untuk setiap kelas modal ekuiti, premium saham dan setiap rizab pada awal dan akhir tempoh mendedahkan secara berasingan setiap pergerakan.

Menurut MASB 1 Para 87, perubahan ekuiti perusahaan antara dua tarikh kunci kira-kira mencerminkan peningkatan atau penurunan aset atau harta bersih sepanjang tempoh tersebut dan perubahan keseluruhan ekuiti menggambarkan jumlah hutang dan rugi yang dihasilkan oleh aktiviti perusahaan sepanjang tempoh kecuali perubahan yang dihasilkan daripada urus niaga dengan pemegang saham seperti sumbangan modal dan dividen.

2.12 Kajian ke atas Istilah dalam Penyata Kewangan

Hasil kajian Ng *et al.* (1998) menunjukkan bahawa 83% syarikat menggunakan akaun untung dan rugi bagi tajuk di dalam penyata kewangan. Diikuti dengan 14% syarikat menggunakan penyata untung dan rugi, 1% syarikat menggunakan penyata ke atas untung dan rugi dan 2% menggunakan penyata untung dalam penyata kewangan.

Dalam melaporkan kunci kira-kira atau akaun untung rugi dalam penyata kewangan, hasil kajian Ng *et al.* (1998) menunjukkan bahawa 67% syarikat membentangkan kunci kira-kira dahulu sebelum membentangkan akaun untung rugi di

dalam laporan tahunan, manakala 73% syarikat melaporkan aset dahulu sebelum ekuiti pemegang saham di dalam laporan tahunan.

Dari segi penggunaan istilah dalam kunci kira-kira yang dijelaskan melalui Jadual 2.1, hasil kajian Ng *et al.* (1998) menunjukkan seperti berikut:

Jadual 2.1: Terminologi yang digunakan dalam Penyata Kewangan

| Alternatif | Peratus |
|-----------------------|----------------|
| Stok | 80 |
| Inventori | 20 |
| <i>Jumlah</i> | <i>100</i> |
| Penghutang perniagaan | 93 |
| Akaun belum terima | 7 |
| <i>Jumlah</i> | <i>100</i> |
| Pemiutang perniagaan | 92 |
| Akaun belum bayar | 8 |
| <i>Jumlah</i> | <i>100</i> |

Sumber: Ng *et al.* (1998)

Penggunaan istilah di Singapura banyak dipengaruhi oleh faktor penjajah di mana jika dilihat dari segi penggunaan istilah inventori, pengamalan perakaunan Singapura dipengaruhi oleh praktis British di bawah Peraturan Kolonial. Kebanyakan syarikat di Singapura menggunakan terma British iaitu “stok” berbanding terma Amerika iaitu “inventori” dalam pengamalan istilah dalam penyata kewangan (Ng *et al.*, 1998).

Hasil kajian yang terdahulu ada membuktikan terdapat perbezaan istilah yang digunakan dalam laporan tahunan di negara yang berbeza seperti United Kingdom dan Amerika Syarikat. Penggunaan istilah inventori, *receivables*, *payables* dan *retained earnings* digunakan di Amerika Syarikat sedangkan istilah stok, *debtors*, *creditors* dan *reserves* digunakan di United Kingdom (Saudagaran, 2000).

Dari segi penggunaan kaedah penganggaran susut nilai dalam penyata kewangan, hasil kajian Ng *et al.* (1998) menunjukkan bahawa 96% menggunakan kaedah garis lurus, 2% menggunakan kaedah baki berkurangan dan 2% menggunakan gabungan kedua-dua kaedah. Manakala bagi tempoh usia guna bagi bangunan, hasil kajian Ng *et al.* (1998) menunjukkan bahawa 28% melaporkan kurang dari 50 tahun, 41% melaporkan 50 tahun, 6% melaporkan lebih dari 50 tahun dan 25% melaporkan lain-lain. Seterusnya bagi tempoh usia guna bagi kenderaan bermotor pula, kajian Ng *et al.* (1998) menunjukkan bahawa 18% melaporkan kurang dari 5 tahun, 44% melaporkan 5 tahun, 8% melaporkan lebih dari 5 tahun dan 30% melaporkan lain-lain.

Dalam melaporkan polisi perakaunan di dalam laporan tahunan, kajian Ng *et al.* (1998) mendapati bahawa 33 syarikat mendedahkan polisi perakaunan sebagai nota pertama di bawah nota kepada akaun, manakala 63 syarikat mendedahkan polisi perakaunan sebagai nota kedua di bawah nota kepada akaun dan empat syarikat tidak mendedahkan polisi perakaunan sebagai nota kepada akaun.

Manakala dalam pelaporan bagi polisi perakaunan bagi inventori, kajian Ng *et al.* (1998) menunjukkan bahawa 43% menggunakan kaedah purata wajaran, 31% menggunakan kaedah Masuk Dahulu Keluar Dahulu (MDKD), 2% menggunakan kaedah yang khusus, 22% menggunakan gabungan ketiga-tiga kaedah yang dinyatakan sebelum ini dan 2% tidak membuat pendedahan dalam melaporkan penggunaan kaedah inventori.

2.13 Kesimpulan

Daripada kajian lepas yang dijalankan, didapati bahawa pendedahan maklumat dalam penyata kewangan adalah berdasarkan kepada keperluan piawaian perakaunan. Selain itu, kajian lepas ke atas terminologi atau istilah yang digunakan dalam penyata kewangan banyak dipengaruhi oleh kesan peninggalan penjajah ke atas sesebuah negara.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan metodologi kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini. Metodologi kajian adalah perkara asas yang memainkan peranan penting dalam menentukan kualiti hasil sesuatu kajian yang dijalankan dan untuk memastikan bahawa setiap kajian itu benar-benar mencapai matlamat dan objektifnya. Oleh yang demikian, metodologi kajian yang khusus dan sesuai akan menjamin kredibiliti sesuatu kajian. Di antara perkara-perkara yang akan disentuh di dalam bab ini ialah reka bentuk kajian (termasuklah pemilihan sampel dan sumber data), persampelan, analisis data dan rumusan.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk melihat amalan pendedahan penyata kewangan oleh syarikat di Malaysia yang tersenarai di Bursa Malaysia berasaskan laporan tahunan kewangan syarikat yang diterbitkan. Syarikat yang dijadikan sampel kajian dipilih daripada syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia di dalam pelbagai jenis industri yang terdapat di Malaysia. Pengklasifikasian industri adalah sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Bursa Malaysia. Daripada laporan tahunan syarikat, data mengenai tahun kewangan berakhir, jenis industri, jumlah aset, jumlah liabiliti, keuntungan selepas cukai, tunai dan kesetaraan tunai, jumlah penghutang, firma audit dan bahasa yang digunakan dalam laporan tahunan digunakan bagi melihat pendedahan maklumat dalam penyata kewangan. Teknik persampelan secara rawak digunakan di dalam kajian ini.

3.2 Subjek dan Tempat Kajian

Kajian ini tertumpu kepada syarikat yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia. Kajian adalah berdasarkan laporan tahunan yang diserahkan kepada Bursa Malaysia pada setiap tahun sebagai salah satu keperluan menurut Jadual 9 Akta Syarikat 1965.

3.3 Persampelan

Bagi tujuan analisis pelaporan maklumat dalam penyata kewangan, laporan tahunan syarikat yang terpilih bagi tahun kewangan berakhir pada 2003 disemak untuk melihat amalan pendedahan maklumat dalam penyata kewangan bagi tempoh tersebut. Data diperoleh daripada laman web Bursa Malaysia. Sebanyak 281 buah syarikat dijadikan sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel sebanyak 32.15% ($281/894 \times 100$) daripada populasi syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia pada 31 Disember 2003. Jadual 3.1 menunjukkan bilangan sampel mengikut jenis industri.

Jadual 3.1: Bilangan Sampel mengikut Industri

| Industri | Sampel | % |
|------------------------------|---------------|------------|
| Barangan industri | 96 | 34.2 |
| Pembinaan dan hartanah | 53 | 18.9 |
| Barangan pengguna | 47 | 16.7 |
| Perdagangan dan perkhidmatan | 43 | 15.3 |
| Kewangan | 14 | 5.0 |
| Perladangan | 12 | 4.3 |
| Teknologi | 7 | 2.5 |
| Hotel | 7 | 2.5 |
| Perlombongan | 1 | 0.4 |
| Unit Amanah | 1 | 0.4 |
| Jumlah | 281 | 100 |

3.4 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan senarai semakan, yang dibangunkan oleh penyelidik bagi mencapai matlamat dan objektif kajian. Instrumen kajian (Lampiran 2) terbahagi kepada beberapa bahagian yang mana terdapat dua bahagian utama, iaitu:-

a) Bahagian A – Profil Demografi.

Bahagian ini mengandungi perkara berikut seperti nama syarikat, penyenaian syarikat di Bursa Malaysia, pasaran permodalan, tarikh kunci kira-kira, hasil, jumlah aset jumlah ekuiti, jumlah liabiliti, keuntungan selepas cukai, tunai dan kesetaraan tunai, jumlah penghutang, bahasa yang digunakan dalam laporan, firma audit dan jenis industri.

b) Bahagian B - Amalan Pembentangan Maklumat Kewangan.

Bahagian ini mengandungi senarai semakan tentang amalan pendedahan maklumat dalam penyata kewangan.

3.5 Analisis Data

Data dalam kajian ini dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif seperti kekerapan dan peratus melalui perisian *Statistic Package For Social Science* (SPSS).

3.6 Rumusan

Kaedah kajian ini pada asasnya melibatkan pemeriksaan ke atas penyata kewangan. Berdasarkan objektif kajian, maka dibentuk senarai semakan. Jawapan bagi setiap persoalan yang diutarakan akan ditandakan di dalam senarai semakan yang direka bentuk oleh penyelidik berdasarkan pemerhatian ke atas penyata kewangan yang disemak. Akhirnya, setelah data dikutip kemudian dianalisis dan dilaporkan dalam laporan ini.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Perbincangan dalam bab ini adalah berkaitan penemuan atau dapatan kajian melalui analisis terhadap data yang telah diperolehi. Bahagian awal bab ini membincangkan latar belakang sampel yang terpilih dalam kajian ini, diikuti oleh perbincangan berkaitan analisis data yang dibuat berdasarkan objektif kajian iaitu untuk mengenal pasti amalan pendedahan maklumat dalam penyata kewangan oleh syarikat yang tersenarai di Malaysia.

4.1 Demografi Sampel

Bilangan sampel yang telah dipilih secara rawak dalam kajian ini berjumlah 281 buah syarikat. Analisis untuk demografi dibahagi kepada empat bahagian iaitu penyenaian syarikat, bahasa laporan tahunan, firma juruaudit dan jenis industri.

4.1.1 Penyenaian Syarikat

Berdasarkan Bahagian A dalam senarai semakan, terdapat maklumat yang berkaitan dengan penyenaian syarikat di Bursa Malaysia. Jadual 4.1 menunjukkan taburan sampel berdasarkan penyenaian syarikat di Bursa Malaysia.

Jadual 4.1: Taburan Sampel berdasarkan Penyenaraian Syarikat di Bursa Malaysia

| Jenis | Bilangan | Peratus |
|---------------|-----------------|----------------|
| Papan utama | 167 | 59.4 |
| Papan kedua | 114 | 40.6 |
| Jumlah | 281 | 100.0 |

Jadual 4.1 menunjukkan bahawa 167 buah syarikat (59.4%) disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia. Manakala, 114 buah syarikat (40.6%) disenaraikan di Papan Kedua Bursa Malaysia.

4.1.2 Bahasa Laporan Tahunan

Jadual 4.2 menunjukkan taburan sampel bagi bahasa yang digunakan dalam laporan tahunan syarikat.


Jadual 4.2: Taburan Penggunaan Bahasa dalam Laporan Tahunan Syarikat

| Bahasa | Bilangan | Peratus |
|---------------|-----------------|----------------|
| Inggeris | 267 | 95.0 |
| Dwi Bahasa | 9 | 3.2 |
| Melayu | 4 | 1.4 |
| Mandarin | 1 | 0.4 |
| Jumlah | 281 | 100.0 |

Jadual 4.2 menunjukkan bahawa 267 buah syarikat iaitu 95% menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa dalam laporan tahunan syarikat. Manakala, 9 buah syarikat atau 3.2% menggunakan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (Dwi Bahasa) sebagai bahasa dalam laporan tahunan syarikat. Terdapat 4 buah syarikat iaitu 1.4% menggunakan Bahasa Melayu dalam laporan tahunan syarikat. Hanya satu syarikat sahaja iaitu 0.4% yang menggunakan Bahasa Mandarin dalam laporan tahunan syarikat.

4.1.3 Firma Audit


Rajah 4.1 menunjukkan bahawa 173 buah syarikat atau 61.6% daripada sampel diaudit oleh firma audit “*Big Four*”, manakala 108 buah syarikat atau 38.4% diaudit oleh firma juruaudit “*Non Big Four*”.



Rajah 4.1: Firma Audit bagi Sampel Kajian

4.1.4 Jenis Industri

Rajah 4.2 menerangkan bilangan syarikat yang dikaji mengikut jenis industri. Rajah 4.2 menunjukkan 34.2% (96 buah syarikat) sampel kajian terdiri daripada sektor barangan industri, 18.9% (53 buah syarikat) terdiri daripada sektor pembinaan dan hartanah, 16.7% (47 buah syarikat) terdiri daripada sektor barangan pengguna, 15.3% (43 buah syarikat) terdiri daripada sektor perdagangan dan perkhidmatan, 5.0% (14 buah syarikat) terdiri daripada sektor kewangan, 4.3% (12 buah syarikat) terdiri daripada sektor perladangan dan 2.5% (7 buah syarikat) masing-masing terdiri daripada sektor teknologi dan sektor hotel. Manakala, 0.4% (sebuah syarikat) masing-masing terdiri daripada sektor perlombongan dan sektor unit amanah.



Rajah 4.2: Bilangan Syarikat mengikut Jenis Industri

4.2 Pematuhan kepada MASB

Jadual 4.3 menerangkan mengenai pematuhan kepada MASB. Hasil kajian mendapati bahawa keseluruhan sampel kajian mematuhi semua keperluan bagi setiap piawaian diguna pakai dan sebarang pengumuman teknikal lain yang diterbitkan oleh MASB telah dipatuhi. Perkara ini didedahkan oleh syarikat melalui nota kepada akaun dalam penyata kewangan.

Jadual 4.3: Pematuhan kepada MASB

| Keterangan | Bilangan | Peratus |
|----------------------------|------------|--------------|
| Pematuhan kepada MASB | 281 | 100.0 |
| Ketidakpatuhan kepada MASB | 0 | 0 |
| Jumlah | 281 | 100.0 |

4.3 Pendedahan Maklumat dalam Penyata Kewangan

Hasil kajian mengenai pendedahan maklumat dalam penyata kewangan boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu: set penyata kewangan yang lengkap, pendedahan polisi perakaunan yang penting, tajuk penyata dalam laporan tahunan, praktis penggunaan terminologi perakaunan, tempoh usia guna aset tetap, kaedah penilaian inventori dan kaedah penilaian susut nilai bagi aset tetap.

4.3.1 Komponen Penyata Kewangan

Jadual 4.4 menunjukkan bahawa daripada 281 buah syarikat yang dipilih didapati bahawa 281 buah syarikat iaitu 100% mempunyai kunci kira-kira, penyata perubahan ekuiti, penyata aliran tunai dan, dasar perakaunan dan penjelasan. Manakala, hanya penyata pendapatan yang menunjukkan 280 buah syarikat yang membuat pendedahan dalam penyata kewangan iaitu 99.6%.

Jadual 4.4: Komponen Penyata Kewangan

| Item maklumat | Kekerapan | Peratus |
|--------------------------------------|------------------|----------------|
| Kunci kira-kira | 281 | 100.0 |
| Penyata pendapatan | 280 | 99.6 |
| Penyata perubahan ekuiti | 281 | 100.0 |
| Penyata aliran tunai | 281 | 100.0 |
| Dasar perakaunan dan nota penjelasan | 281 | 100.0 |

4.3.2 Polisi Perakaunan yang Penting

Jadual 4.5 menunjukkan bahawa terdapat 54 buah sampel syarikat iaitu 19.2% mendedahkan polisi perakaunan yang penting sebagai nota pertama di bawah nota kepada akaun. Manakala, terdapat 40.2% mendedahkan polisi perakaunan yang penting sebagai nota kedua di bawah nota kepada akaun. Terdapat 24.6% daripada keseluruhan syarikat yang mendedahkan polisi perakaunan yang penting sebagai nota ketiga di bawah nota kepada akaun. Seterusnya, 13.2% mendedahkan polisi perakaunan yang penting sebagai

nota kelima di bawah nota kepada akaun. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti syarikat yang tersenarai mendedahkan polisi perakaunan yang penting sebagai nota kedua di bawah nota kepada akaun dalam penyata kewangan.

Jadual 4.5: Pendedahan Polisi Perakaunan yang Penting

| Item maklumat | Kekerapan | Peratus |
|---|------------------|----------------|
| Nota pertama di bawah nota kepada akaun | 54 | 19.2 |
| Nota kedua di bawah nota kepada akaun | 113 | 40.2 |
| Nota ketiga di bawah nota kepada akaun | 69 | 24.6 |
| Nota kelima di bawah nota kepada akaun | 37 | 13.2 |

4.3.3 Tajuk bagi Penyata Pendapatan

Jadual 4.6 menunjukkan penggunaan tajuk bagi penyata pendapatan dalam penyata kewangan oleh sampel syarikat. Hasil kajian mendapati bahawa 99.3% menggunakan tajuk penyata pendapatan dalam penyata kewangan. Manakala, hanya 2 buah syarikat iaitu 0.7% menggunakan tajuk akaun untung rugi dalam penyata kewangan. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa majoriti syarikat yang tersenarai lebih gemar menggunakan tajuk penyata pendapatan berbanding dengan akaun untung rugi dalam kunci kira-kira.

Jadual 4.6: Tajuk bagi Penyata Pendapatan

| Item maklumat | Kekerapan | Peratus |
|----------------------|------------------|----------------|
| Akaun untung rugi | 2 | 0.7 |
| Penyata pendapatan | 279 | 99.3 |
| Jumlah | 281 | 100.0 |

4.3.4 Tajuk bagi Kunci Kira-Kira

Jadual 4.7 menunjukkan penggunaan tajuk bagi kunci kira-kira dalam penyata kewangan oleh sampel syarikat. Hasil kajian mendapati bahawa 98.9% menggunakan tajuk kunci kira-kira dalam penyata kewangan. Manakala, hanya 3 buah syarikat iaitu 1.1% menggunakan tajuk lembaran imbalan dalam penyata kewangan. Dapatan ini

menunjukkan bahawa majoriti syarikat yang tersenarai lebih gemar menggunakan tajuk kunci kira-kira berbanding dengan lembaran imbangan dalam penyata kewangan.

Jadual 4.7: Tajuk bagi Kunci Kira-Kira

| Item maklumat | Kekerapan | Peratus |
|----------------------|------------------|----------------|
| Kunci kira-kira | 278 | 98.9 |
| Lembaran imbangan | 3 | 1.1 |
| Jumlah | 281 | 100.0 |

4.3.5 Yang Mana Didedahkan Dahulu

Jadual 4.8 menunjukkan bahawa majoriti syarikat mendedahkan kunci kira-kira dahulu sebelum penyata pendapatan dalam penyata kewangan iaitu 56.2%. Manakala, 42.8% mendedahkan penyata pendapatan dahulu sebelum kunci kira-kira dalam penyata kewangan. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa majoriti syarikat yang tersenarai mendedahkan kunci kira-kira terlebih dahulu berbanding dengan penyata pendapatan di dalam penyata kewangan.

Jadual 4.8: Kunci Kira-kira atau Penyata Pendapatan

| Item maklumat | Kekerapan | Peratus |
|----------------------|------------------|----------------|
| Kunci kira-kira | 158 | 56.2 |
| Penyata pendapatan | 123 | 43.8 |
| Jumlah | 281 | 100.0 |

Jadual 4.9 menunjukkan bahawa majoriti syarikat mendedahkan aset dahulu sebelum ekuiti pemilik dalam kunci kira-kira iaitu 97.2%. Manakala, 2.8% mendedahkan ekuiti pemilik dahulu sebelum aset dalam kunci kira-kira. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti syarikat yang tersenarai mendedahkan aset terlebih dahulu berbanding dengan ekuiti pemilik dalam kunci kira-kira.

Jadual 4.9: Aset atau Ekuiti Pemilik

| Item maklumat | Kekerapan | Peratus |
|----------------------|------------------|----------------|
| Aset | 273 | 97.2 |
| Ekuiti pemilik | 8 | 2.8 |
| Jumlah | 281 | 100.0 |

4.3.6 Penggunaan Istilah dalam Kunci Kira-Kira

Jadual 4.10 menunjukkan bahawa terminologi yang digunakan dalam kunci kira-kira. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan istilah inventori lebih popular berbanding dengan stok iaitu 97.9%. Manakala, penggunaan istilah akaun belum terima lebih popular berbanding penghutang perniagaan iaitu 97.2%. Dari segi penggunaan istilah akaun belum bayar lebih popular berbanding dengan pemiutang perniagaan iaitu 95.7%. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti syarikat yang tersenarai gemar menggunakan terminologi inventori, akaun belum terima dan akaun belum bayar dalam kunci kira-kira.

Jadual 4.10: Terminologi yang digunakan dalam Penyata Kewangan

| Alternatif | Kekerapan | Peratus |
|-----------------------|------------------|----------------|
| Stok | 6 | 2.1 |
| Inventori | 275 | 97.9 |
| <i>Jumlah</i> | | <i>100</i> |
| Penghutang perniagaan | 8 | 2.8 |
| Akaun belum terima | 273 | 97.2 |
| <i>Jumlah</i> | | <i>100</i> |
| Pemiutang perniagaan | 12 | 4.3 |
| Akaun belum bayar | 269 | 95.7 |
| <i>Jumlah</i> | | <i>100</i> |

4.3.7 Kaedah Penilaian Inventori

Jadual 4.11 menunjukkan penggunaan kaedah dalam penilaian inventori dalam penyata kewangan. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan kaedah Masuk Dahulu Keluar Dahulu (MDKD) lebih popular berbanding kaedah penilaian inventori yang lain iaitu

57.6%. Manakala, sebuah syarikat (0.4%) menggunakan kaedah Masuk Kemudian Keluar Dahulu (MKKD), 108 buah syarikat (38.4%) menggunakan kaedah khusus dan 10 buah syarikat (3.6%) menggunakan gabungan pelbagai kaedah dalam penggunaan kaedah bagi penilaian inventori dalam penyata kewangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti syarikat yang tersenarai gemar menggunakan kaedah MDKD dalam penilaian kaedah inventori.

Jadual 4.11: Kaedah Penilaian Inventori

| Alternatif | Kekerapan | Peratus |
|--------------------------|------------------|----------------|
| MDKD | 162 | 57.6 |
| MKKD | 1 | 0.4 |
| Kaedah Khusus | 108 | 38.4 |
| Gabungan pelbagai kaedah | 10 | 3.6 |
| Jumlah | 281 | 100 |

4.3.8 Tempoh Usia Guna

Jadual 4.12 menunjukkan tempoh usia guna atau jangka hayat bagi bangunan dalam penyata kewangan. Hasil kajian menunjukkan bahawa 0.7% melaporkan kurang dari 50 tahun, 2.9% melaporkan 50 tahun, 1.4% melaporkan lebih dari 50 tahun, 8.2% melaporkan lain-lain dan 86.8% tidak menyatakan tempoh usia guna bagi bangunan dalam penyata kewangan.

Jadual 4.12: Tempoh Usia Guna bagi Bangunan

| Tempoh | Kekerapan | Peratus |
|----------------------|------------------|----------------|
| Kurang dari 50 tahun | 2 | 0.7 |
| 50 tahun | 8 | 2.9 |
| Lebih dari 50 tahun | 4 | 1.4 |
| Lain-lain | 23 | 8.2 |
| Tidak dinyatakan | 244 | 86.8 |
| Jumlah | 281 | 100 |

Jadual 4.13 menunjukkan tempoh usia guna bagi kenderaan bermotor dalam penyata kewangan. Hasil kajian menunjukkan bahawa 2.1% melaporkan kurang dari 5

tahun, 2.1% melaporkan 5 tahun, 0.4% melaporkan lebih dari 5 tahun, 1.8% melaporkan lain-lain dan 93.6% tidak menyatakan tempoh usia guna bagi kenderaan bermotor dalam penyata kewangan.

Jadual 4.13: Tempoh Usia Guna bagi Kenderaan Bermotor

| Tempoh | Kekerapan | Peratus |
|---------------------|------------------|----------------|
| Kurang dari 5 tahun | 6 | 2.1 |
| 5 tahun | 6 | 2.1 |
| Lebih dari 5 tahun | 1 | 0.4 |
| Lain-lain | 5 | 1.8 |
| Tidak dinyatakan | 263 | 93.6 |
| Jumlah | 281 | 100 |

4.3.9 Kaedah Susut Nilai

Jadual 4.14 menunjukkan penggunaan kaedah dalam penilaian aset tetap dalam penyata kewangan. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan garis lurus lebih popular berbanding kaedah penilaian aset tetap yang lain iaitu 98.2%. Manakala, tiga buah syarikat (1.1%) menggunakan kaedah baki berkurangan, sebuah syarikat (0.4%) masing-masing menggunakan kaedah lain dan tidak dinyatakan penggunaan kaedah dalam penilaian aset tetap dalam penyata kewangan. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa majoriti syarikat yang tersenarai lebih gemar menggunakan kaedah garis lurus berbanding dengan kaedah yang lain dalam kaedah penilaian aset tetap dalam kunci kira-kira.

Jadual 4.14: Kaedah Susut Nilai

| Alternatif | Kekerapan | Peratus |
|-------------------|------------------|----------------|
| Garis lurus | 276 | 98.2 |
| Baki berkurangan | 3 | 1.1 |
| Lain-lain | 1 | 0.4 |
| Tidak dinyatakan | 1 | 0.4 |

4.4 Kesimpulan

Dalam kajian ini dalam konteks praktis di Malaysia, cuba mengkaji amalan pendedahan maklumat dalam penyata kewangan oleh syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keseluruhan sampel kajian mematuhi semua keperluan bagi setiap piawaian diguna pakai dan sebarang pengumuman teknikal lain yang diterbitkan oleh MASB telah dipatuhi.

Dari segi penggunaan tajuk dalam penyata kewangan. Hasil kajian mendapati bahawa tajuk kunci kira-kira lebih popular berbanding dengan lembaranimbangan dalam penyata kewangan. Manakala, tajuk penyata pendapatan lebih popular berbanding dengan akaun untung rugi dalam kunci kira-kira.

Kajian mendapati bahawa kebanyakan syarikat di Malaysia lebih gemar menggunakan terminologi inventori, akaun belum terima dan akaun belum bayar dalam kunci kira-kira. Hasil kajian turut menunjukkan bahawa majoriti sampel kajian lebih gemar menggunakan kaedah garis lurus berbanding dengan kaedah yang lain dalam kaedah penilaian aset tetap dalam kunci kira-kira. Manakala, kebanyakan syarikat popular menggunakan kaedah MDKD dalam penilaian kaedah inventori.

BAB V

RUMUSAN KAJIAN

5.0 Pengenalan

Objektif piawaian MASB 1 adalah untuk menetapkan asas pembentangan penyata kewangan tujuan umum bagi memastikan kebolehbandingan dengan penyata kewangan terdahulu perusahaan itu sendiri dengan penyata kewangan perusahaan lain. Oleh itu, MASB 1 menggariskan pertimbangan keseluruhan pembentangan penyata kewangan, garis panduan bagi struktur penyata kewangan dan keperluan minimum kandungannya. Namun begitu, MASB 1 juga menggalakkan perusahaan untuk mendedahkan lebih banyak maklumat bagi membantu pengguna membuat keputusan ekonomi. Di dalam bab ini, pengkaji membincangkan rumusan dan perbincangan dapatan kajian ini menurut objektif yang telah ditetapkan dalam bab I kajian ini.

5.1 Rumusan dan Implikasi Kajian

Kajian ini melaporkan dapatan kajian berkaitan amalan perakaunan di kalangan syarikat tersenarai di Papan Utama dan Papan Kedua Bursa Malaysia berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh MASB 1. Hasil kajian mendapati kadar penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa yang digunakan dalam laporan tahunan syarikat sangat tinggi (melebihi 90%). Hanya beberapa syarikat yang dikaji sahaja yang mengambil inisiatif untuk membentangkan laporan tahunan mereka dalam gabungan dua bahasa. Dapatan ini menimbulkan persoalan dari segi kebolehgunaan maklumat oleh pengguna. Penggunaan Bahasa Inggeris memang digalakkan oleh kerajaan, namun dari satu aspek lain iaitu sama ada maklumat yang disampaikan oleh syarikat melalui laporan tahunan mereka dapat difahami dengan baik oleh para pengguna yang tidak mahir berbahasa Inggeris

menimbulkan satu persoalan lain. Oleh itu, adalah dicadangkan penggubal piawaian perakaunan untuk meneliti perkara ini sama ada perlu atau tidak untuk pihak syarikat menyediakan laporan tahunan syarikat mereka dalam sekurang-kurangnya dua bahasa agak kebolegunaan dan kebolehfahamannya dipertingkatkan di kalangan pengguna.

Selain itu, hasil kajian mendapati secara keseluruhannya, kesemua sampel kajian mematuhi semua keperluan yang dinyatakan dalam MASB 1. Ini memberikan petanda yang baik kepada usaha untuk menerapkan amalan terbaik (*best practice*) dalam pelaporan kewangan syarikat. Namun begitu, seperti mana kajian Ng *et al.* (1998), masih terdapat perbezaan daripada beberapa aspek yang dikaji seperti istilah dan kaedah yang dibentangkan dalam laporan tahunan syarikat. Antara aspek tersebut ialah dari segi penggunaan istilah perakaunan yang digunakan dalam laporan tahunan syarikat, tajuk yang digunakan dalam laporan tahunan, penetapan tempoh usia aset tetap, kaedah penilaian inventori dan kaedah penilaian susut nilai bagi aset tetap. Selain itu, turut terdapat perbezaan dari segi susun atur pembentangan laporan kewangan syarikat seperti susun atur dalam pendedahan polisi perakaunan yang penting, susun atur aset, liabiliti dan ekuiti dalam kunci kira-kira dan susun atur pembentangan kunci kira-kira dan penyata pendapatan.

Berdasarkan perbezaan yang wujud dari segi susun atur, penggunaan istilah dan kaedah perakaunan yang digunakan, ia menggambarkan bahawa objektif piawaian MASB 1 untuk menetapkan asas pembentangan penyata kewangan tujuan umum bagi memastikan kebolehbandingan dengan penyata kewangan terdahulu perusahaan itu sendiri dengan penyata kewangan perusahaan lain, sukar dicapai. Perbezaan dari segi penggunaan istilah dan susun atur tidak mendatangkan masalah yang besar dalam membuat perbandingan, namun penggunaan kaedah perakaunan yang berbeza memberi kesan yang ketara kepada keuntungan dan aset bersih yang dilaporkan dalam penyata kewangan. Ini merupakan antara isu utama yang perlu diberi perhatian oleh penggubal piawai untuk meningkatkan kebolehbandingan laporan kewangan syarikat.

5.2 Kesimpulan dan Cadangan Kajian

Dapatan kajian ini memberikan gambaran secara keseluruhan tentang amalan perakaunan di kalangan syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia berdasarkan pematuhan kepada MASB 1. Secara keseluruhannya, syarikat yang dikaji mematuhi kehendak MASB 1, namun terdapat perbezaan daripada beberapa aspek dalam pembentangan laporan kewangan mereka. Untuk menambahkan input kepada dapatan kajian pada masa akan datang, dicadangkan kaedah kuantitatif ini digabungkan dengan kaedah kualitatif seperti menemu bual pengamal perakaunan dan penggubal piawai untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang amalan perakaunan dalam penyata kewangan di kalangan syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia.

Selain itu, isu penggunaan bahasa dan pemahaman terhadap istilah perakaunan yang digunakan dalam laporan tahunan syarikat juga boleh diberi perhatian untuk kajian akan datang untuk menentukan sama ada penggunaan bahasa menghadkan kebolegunaan laporan tahunan syarikat di kalangan pengguna. Ketekalan penggunaan kaedah perakaunan yang digunakan juga boleh dijadikan satu isu kajian pada masa hadapan melalui kajian merentas masa. Akhir sekali, diharap kajian ini dan kajian berterusan dalam amalan perakaunan diharap dapat memberi sumbangan dan input yang berguna kepada pihak yang terbabit dalam bidang perakaunan untuk menambah baik amalan perakaunan di Malaysia.

RUJUKAN

- Iszudin Mohd Amin (ed.). 2005. MASB Moves Closer to Convergence with their planned renaming of MASB Standards. *Accountants Today*. Januari & Februari: 49.
- Joshi, P.L dan Sayel Ramadhan (2002). The adoption of international accounting standards by small and closely held companies: Evidence from Bahrain. *The International Journal of Accounting*. 37 (2002). ms 429-440.
- Karen, Chow Wai Leng dan Susela Devi. (2004). Accounting disclosure practices and firm characteristics : evidence from Malaysia based on segment information disclosure.
- Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (1999). Pembentangan Penyata Kewangan. Malaysia. MASB 1.
- Ng Eng Juan *et al.*. 1998. *Accounting and Disclosure Practices of Listed Companies in Singapore*. Prentice-Hall. Singapore.
- Saudagaran, S.M. (2000). *International Accounting: User Perspective*. South-Western College Publishing. Australia. ms 150-151.
- Yuan Ding, Stolowy, H. dan Tenenhaus, M. (2003). "Shopping Around" For Accounting Practices: The Financial Statement Presentation of French Groups. *Abacus*. Vol 39, No. 1, 2003.

LAMPIRAN 1

SENARAI SAMPEL SYARIKAT

| NO. | NAMA SYARIKAT | PAPAN | INDUSTRI |
|-----|---|-------------|------------------------------|
| 1 | BELL & ORDER BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 2 | ASTRAL ASIA BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 3 | ABRIC BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 4 | ACOUSTECH BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 5 | ADUANCED PACKAGING TECHNOLOGY (M) BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 6 | AE MULTI HOLDINGS BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 7 | AFFIN - AEF HOLDINGS | PAPAN UTAMA | KEWANGAN |
| 8 | PROTASCO BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 9 | AYER HITAM TIN DREDGING MALAYSIA BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 10 | AIC CORPORATION BERHAD | PAPAN UTAMA | TEKNOLOGI |
| 11 | AMALGAMATED INDUSTRIAL STEEL BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 12 | THE AYER HITAM PLANTING SYNDICATE BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 13 | ALUMINIUM COMPANY OF MALAYSIA BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 14 | ALLIANZ GENERAL INSURANCE MALAYSIA BERHAD | PAPAN UTAMA | KEWANGAN |
| 15 | AMFIRST PROPERTY TRUST | PAPAN UTAMA | UNIT AMANAH |
| 16 | AMTEK HOLDINGS BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN PENGGUNA |
| 17 | AMTEK HOLDINGS BERHAD | PAPAN KEDUA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 18 | EASTERN & ORIENTAL BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 19 | BANENG HOLDINGS BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN PENGGUNA |
| 20 | BASWELL RESOURCES BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN PENGGUNA |
| 21 | BCB BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 22 | BINA DARULAMAN BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 23 | BERTAM ALLIANCE BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 24 | B.I.G INDUSTRIES BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 25 | BINAIK GQUITY BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 26 | BINTAI KINDEN CORPORATION BERHAD | PAPAN UTAMA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 27 | BERJAYA CAPITAL BERHAD | PAPAN UTAMA | KEWANGAN |
| 28 | BERJAYA GROUP BERHAD | PAPAN UTAMA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 29 | BERJAYA LAND BERHAD | PAPAN UTAMA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 30 | BERJAYA SPORTS TOTO BERHAD | PAPAN UTAMA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 31 | PROLEXUS BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN PENGGUNA |
| 32 | BATU KAWAN BERHAD | PAPAN UTAMA | PERLADANGAN |
| 33 | BLD PLANTATION BERHAD | PAPAN UTAMA | PERLADANGAN |
| 34 | BOX - PAK (MALAYSIA) BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 35 | BINA PURI HOLDINGS BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 36 | BANDAR RAYA DEVELOPMENT BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 37 | BREM HOLDINGS BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 38 | BRIGHT PACKAGING INDUSTRY BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 39 | PUBLIC PACKAGES HOLDINGS BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 40 | BTM RESOURCES BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 41 | CAB CAKARAN CORPORATION BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN PENGGUNA |
| 42 | CAELY HOLDINGS BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN PENGGUNA |
| 43 | CAMERLIN GROUP BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 44 | CB INDUSTRIAL PRODUCT HOLDINGS BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |

| NO. | NAMA SYARIKAT | PAPAN | INDUSTRI |
|------------|--|--------------|------------------------------|
| 45 | CENTURY LOGISTICS HOLDINGS | PAPAN KEDUA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 46 | CONCRETE ENGINEERING PRODUCT BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 47 | COMPUTER FORMS (MALAYSIA) BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 48 | CHEE WAH CORPORATION BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN PENGGUNA |
| 49 | THE AYER MOLEK RUBBER COMPANY BERHAD | PAPAN UTAMA | PERLADANGAN |
| 50 | CHIN FOH BERHAD | PAPAN KEDUA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 51 | CHIN TECK PLANTATIONS BERHAD | PAPAN UTAMA | PERLADANGAN |
| 52 | CHIN WELL HOLDINGS BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 53 | CHOO BEE METAL INDUSTRIES | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 54 | CHUAN HUAT RESOURCES BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 55 | CENTRAL INDUSTRIAL CORPORATION BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 56 | C. I HOLDINGS BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 57 | CCK CONSOLIDATED HOLDINGS BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN PENGGUNA |
| 58 | CME GROUP BERHAD | PAPAN KEDUA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 59 | CN ASIA CORPORATION BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 60 | CNLT (FAR-EAST) BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 61 | COASTAL CONTRACTS | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 62 | TA ANN HOLDINGS BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 63 | COSWAY CORPORATION BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN PENGGUNA |
| 64 | CREST BUILDER HOLDINGS BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 65 | CRESCENDO CORPORATION | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 66 | CRIMSON LAND BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 67 | TAMADAM BONDED WAREHOUSE BERHAD | PAPAN KEDUA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 68 | PRESTAR RESOURCES BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 69 | CYL CORPORATION BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 70 | CYMAO HOLDINGS BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 71 | DAIBOCHI PLASTIC AND PACKAGING INDUSTRY BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 72 | D.B.E. GURNEY RESOURCES BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN PENGGUNA |
| 73 | DAMANSARA REALTY BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 74 | DEGEM BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN PENGGUNA |
| 75 | DELLOYD VENTURES BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 76 | DENKO INDUSTRIAL CORPORATION BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 77 | DIPERDANA HOLDINGS BERHAD | PAPAN UTAMA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 78 | PROJEK PENYELENGGARAAN LEBUHRAYA BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 79 | DIETHELM HOLDINGS (MALAYSIA) BERHAD | PAPAN UTAMA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 80 | DKLS INDUSTRIES BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 81 | DATUK KERAMAT HOLDINGS BERHAD | PAPAN UTAMA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 82 | DUTCH LADY MILK INDUSTRIES BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN PENGGUNA |
| 83 | DNP HOLDINGS BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN PENGGUNA |
| 84 | DOLOMITE CORPORATION BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 85 | DATAPREP HOLDINGS BHD | PAPAN KEDUA | TEKNOLOGI |
| 86 | PEMBINAAN JAYABUMI (SARAWAK) BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 87 | EDEN ENTERPRISES (M) BERHAD | PAPAN KEDUA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 88 | E.G COM BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 89 | EMAS KIARA INDUSTRIES BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 90 | EKOVEST BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 91 | EKRAN BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 92 | ELBA HOLDINGS BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN PENGGUNA |
| 93 | EMICO HOLDINGS BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN PENGGUNA |

| NO. | NAMA SYARIKAT | PAPAN | INDUSTRI |
|------------|---|--------------|------------------------------|
| 94 | EMIVEST BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN PENGGUNA |
| 95 | ENG TEKNOLOGI HOLDINGS BERHAD | PAPAN UTAMA | TEKNOLOGI |
| 96 | ENG KAH CORPORATION BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN PENGGUNA |
| 97 | ENGLOTECHS HOLDINGS BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 98 | EON CAPITAL BERHAD | PAPAN UTAMA | KEWANGAN |
| 99 | PIN-WEE GROUP BHD | PAPAN UTAMA | BARANGAN PENGGUNA |
| 100 | RAMATEX BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 101 | EASTERN PACIFIC INDUSTRIAL CORPORATION BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 102 | E.P. MANUFACTURING BHD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 103 | TAIPING SUPER BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 104 | FACB INDUSTRIES INCORPORATED BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 105 | FA PENINSULAR BHD | PAPAN UTAMA | BARANGAN PENGGUNA |
| 106 | FARLIM GROUP (MALAYSIA) BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 107 | FCW HOLDINGS BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 108 | FEDERAL FURNITURE HOLDINGS (M) BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN PENGGUNA |
| 109 | FFM BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN PENGGUNA |
| 110 | FIAMMA HOLDINGS BERHAD | PAPAN UTAMA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 111 | FITTERS HOLDINGS BERHAD | PAPAN KEDUA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 112 | FOCAL AIMS HOLDINGS BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 113 | FOREMOST HOLDINGS BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN PENGGUNA |
| 114 | TRACOMA HOLDINGS BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 115 | FOUNTAIN VIEW DEVELOPMEND | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 116 | FSBM HOLDINGS BERHAD | PAPAN KEDUA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 117 | FURNIWEB INDUSTRIAL PRODUCTS BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 118 | FUTUTECH BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 119 | GADANG HOLDINGS BERHAD | PAPAN KEDUA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 120 | GOH BAN HUAT BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 121 | P.I.E INDUSTRIAL BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 122 | GENERAL CORPORATION BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 123 | TONG HERR RESOURES BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 124 | TRONOH MINES MALAYSIA BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 125 | GOLDEN FRONTIER BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 126 | GOLBAL CARRIERS BERHAD | PAPAN KEDUA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 127 | GLOMAC BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 128 | GOLD IS BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN PENGGUNA |
| 129 | GOLSTA SYNERGY BERHAD | PAPAN KEDUA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 130 | GOPENG BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 131 | GULA PERAK BERHAD | PAPAN UTAMA | HOTEL |
| 132 | GOLDEN PHAROS BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN PENGGUNA |
| 133 | GOLDEN PLUS HOLDINGS BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 134 | GREATPAC HOLDINGS BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 135 | GEORGETOWN HOLDINGS BERHAD | PAPAN UTAMA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 136 | GRAND UNITED HOLDINGS BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 137 | HAISAN RESOURCES BERHAD | PAPAN KEDUA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 138 | HARRISONS HOLDINGS (MALAYSIA) BERHAD | PAPAN UTAMA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 139 | HARN LEN CORPORATION BERHAD | PAPAN KEDUA | PERLADANGAN |
| 140 | HARVEST COURT INDUSTRIES BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 141 | PETALING GARDEN BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 142 | HEXAGON HOLDINGS BERHAD | PAPAN KEDUA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |

| NO. | NAMA SYARIKAT | PAPAN | INDUSTRI |
|------------|--|--------------|------------------------------|
| 143 | HIAP TECK VENTURE BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 144 | HIL INDUSTRIES BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 145 | HONG LEONG BANK BERHAD | PAPAN UTAMA | KEWANGAN |
| 146 | ZECON ENGINEERING BERHAD | PAPAN KEDUA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 147 | HO HUP CONSTRUCTION COMPANY BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 148 | GRAND HOOVER BERHAD | PAPAN KEDUA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 149 | HUA JOO SENG ENTERPRISE BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN PENGGUNA |
| 150 | HUA YANG BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 151 | HUME CEMBOARD BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 152 | HUNZA CONSOLIDATION BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN PENGGUNA |
| 153 | HUNZA PROPERTIES BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 154 | HUP SENG INDUSTRIES BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN PENGGUNA |
| 155 | HWA TAI INDUSTRIES BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN PENGGUNA |
| 156 | HO WAH GENTING BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 157 | I-BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN PENGGUNA |
| 158 | INDUSTRIAL CONCRETE PRODUCTS BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 159 | IDAMAN UNGGUL BERHAD | PAPAN UTAMA | KEWANGAN |
| 160 | IGB CORPORATION BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 161 | INGTEGRATED LOGISTICS BERHAD | PAPAN UTAMA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 162 | INCH ICENNETH KAJANG RUBBER PUBLIC LIMITED COMPANY | PAPAN UTAMA | PERLADANGAN |
| 163 | TIMBERWELL BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 164 | INSAS BERHAD | PAPAN UTAMA | KEWANGAN |
| 165 | INTAN NILITIES BERHAD | PAPAN UTAMA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 166 | INTEGRAX BERHAD | PAPAN UTAMA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 167 | IRE-TEX CORPORATION BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 168 | ISYODA CORPORATION BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 169 | INDUSTRONICS BERHAD | PAPAN KEDUA | TEKNOLOGI |
| 170 | TA ENTERPRISE BERHAD | PAPAN UTAMA | KEWANGAN |
| 171 | JPK HOLDINGS BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 172 | VADS BERHAD | PAPAN KEDUA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 173 | V.S INDUSTRY BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN INDUSTRI |
| 174 | XIAN LENG HOLDING BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN PENGGUNA |
| 175 | LAND & GENERAL BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 176 | KUMPULAN BELTON BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 177 | JOHN HANCOCK LIFE INSURANCE (MALAYSIA) BERHAD | PAPAN UTAMA | KEWANGAN |
| 178 | KUMPULAN H&L HIGH - TECH BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 179 | JASA KITA BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN INDUSTRI |
| 180 | JERASIA CAPITAL BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN PENGGUNA |
| 181 | JERNEH ASIA BERHAD | PAPAN UTAMA | KEWANGAN |
| 182 | JOHOR LAND BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |
| 183 | JOHN MASTER INDUSTRIES BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN PENGGUNA |
| 184 | JT INTERNATIONAL BERHAD | PAPAN UTAMA | BARANGAN PENGGUNA |
| 185 | JUAN KUANG (M) INDUSTRIAL BERHAD | PAPAN KEDUA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 186 | ICAF-SEAGROATT & CABELL BERHAD | PAPAN UTAMA | KEWANGAN |
| 187 | KAI PENG BERHAD | PAPAN KEDUA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 188 | PETRA PERDANA BERHAD | PAPAN UTAMA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 189 | KBB RESOURCES BERHAD | PAPAN KEDUA | BARANGAN PENGGUNA |
| 190 | KBES BERHAD | PAPAN UTAMA | PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN |
| 191 | KEJORA HARTA BERHAD | PAPAN UTAMA | PEMBINAAN DAN HARTANAH |

| NO. | NAMA SYARIKAT | PAPAN | INDUSTRI |
|------------|---------------------------------------|--------------|----------------------------------|
